

NO. SOALAN : 360

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]**

SOALAN

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa lamakah tempoh penangguhan kenaikan tambang bas dan adakah Kerajaan boleh memberi jaminan tambang bas tidak akan dinaikkan dalam tempoh terdekat ini.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan pada 23 Mac 2015 telah mengumumkan bahawa pelaksanaan semakan tambang baru untuk perkhidmatan bas ekspress dan rel telah ditunda ke suatu tarikh yang belum ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

RT37/361

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah status Universiti Islam Malaysia (UIM) sama ada ianya universiti awam atau universiti swasta; dan
- (b) adakah penubuhan dan governans UIM tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan adakah program-program pengajian pasca-siswazah yang ditawarkan UIM telah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Malaysia Qualifications Agency (MQA).

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Universiti Islam Malaysia (UIM) telah diluluskan penubuhannya sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) pada 01 November 2013 dan didaftarkan pada 14 Julai 2014 di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555].

Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi swasta, penubuhan dan governans UIM adalah tertakluk di bawah Akta 555 dan ditadbir berdasarkan perlembagaan institusi yang telah diluluskan di bawah seksyen 30, Akta 555.

Pengiktirafan bagi sesuatu kursus pengajian yang telah diluluskan dan ditawarkan di IPTS hanya boleh dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selepas kursus tersebut mencapai akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).